

19 SEP 1998

Khalil-Anwar

TIADA ASAS ANWAR MINTA DR MAHATHIR LETAK JAWATAN, KATA KHALIL

KUANTAN, 19 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mempunyai asas untuk menuntut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

"Apakah asas Anwar? Dia bukannya anggota Umno iaitu parti yang menentukan kedudukan Dr Mahathir dalam parti dan kerajaan. Anwar juga bukannya anggota kerajaan lagi," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau menasihati bekas Timbalan Presiden Umno itu supaya menumpukan perhatian kepada pertuduhan yang berdepan dengannya dan bukan terhadap perkara-perkara lain yang tiada kena mengena dengannya.

Semasa berucap di Kuala Terengganu semalam, Anwar mencabar Dr Mahathir supaya meletakkan jawatannya sekiranya beliau sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

Khalil berkata Anwar tentu menyedari sokongan kuat yang diberikan oleh para pemimpin dan anggota Umno serta Barisan Nasional untuk berdiri teguh di belakang Dr Mahathir serta menyokong kepimpinannya.

Beliau terkejut dengan tindakan Anwar yang sanggup bersubahat dengan DAP dalam usaha menonjolkan dirinya sebagai pihak yang tidak bersalah.

Katanya, dakwaan Anwar bahawa media massa tempatan tidak berlaku adil kepadanya dengan tidak lagi membuat liputan seperti yang pernah dinikmati dulu adalah tidak benar.

"Beliau masih memperolehi liputan yang mencukupi termasuklah mengenai usahanya menjelajah ke negeri-negeri ketika ini," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata apa-apa yang diperkatakan oleh Anwar semalam, termasuk kata-katanya yang kurang manis mengenai kepimpinan negara di bawah Dr Mahathir tetap dilaporkan oleh media massa tempatan.

-- BERNAMA

ROS khy